



**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI EKONOMI**

**PENDEMOKRASIAN DANA KERAJAAN MELALUI INISIATIF  
KEMUDAHAN RAKYAT**

1. Kementerian Ekonomi telah membangunkan sistem Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang membolehkan rakyat mengemukakan permohonan projek infrastruktur kecil awam terus kepada Kementerian Ekonomi.
2. RM500 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek kecil yang boleh dimohon oleh orang ramai. IKR diperkenalkan oleh Kementerian Ekonomi bagi membolehkan rakyat memaklumkan secara terus mengenai keperluan projek infrastruktur kecil awam di kawasan setempat masing-masing, seterusnya memohon keperluan tersebut untuk pertimbangan peruntukan kepada Kementerian Ekonomi.
3. Inisiatif ini merupakan bantuan Kerajaan Persekutuan dan bertujuan untuk mendemokrasikan dana kerajaan dalam membiayai pelaksanaan projek infrastruktur kecil awam yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan - PBT).
4. Pelaksanaan IKR juga bertujuan untuk membantu kontraktor-kontraktor kecil seluruh Malaysia yang akan mendapat manfaat dari projek-projek

kecil ini serta mempercepat pelaksanaan projek infrastruktur kecil awam di seluruh negara bagi manfaat rakyat.

5. Kriteria permohonan projek kecil adalah seperti berikut :
  - a. Projek infrastruktur kecil yang memberi manfaat segera kepada rakyat setempat/masyarakat umum;
  - b. Kos projek yang dipohon tidak melebihi RM200,000.00;
  - c. Projek dapat dilaksanakan dalam tahun semasa, bersifat *best value for money*, tiada elemen bermewah-mewah (*nice to have*) dan amat diperlukan untuk kepentingan/kegunaan umum (*must have*);
  - d. Projek bukan untuk tujuan keperluan/aset individu dan tidak terletak di atas tanah milik persendirian serta tidak melibatkan pengambilan tanah; dan
  - e. Projek tidak bertindih dengan projek yang telah memperoleh kelulusan peruntukan daripada agensi Kerajaan lain (Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri).
  
6. Orang ramai kini boleh memohon bantuan projek-projek infrastruktur awam kecil melalui laman web IKR di alamat ***ikr.ekonomi.gov.my*** bermula hari ini.

**RAFIZI RAMLI**

**20 JUN 2023**